

**AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN
SEPINTAS LALU
*NATIONAL HERITAGE ACT, 2005: A REVIEW***

YUSZAIDY MOHD YUSOFF
HANAPI DOLLAH
AB SAMAD KECHOT

ABSTRAK

Makalah ini memberi sedikit-sebanyak maklumat tentang Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Perbincangan adalah dalam bentuk deskriptif supaya isu yang dibincangkan dapat disampaikan dengan jelas. Kajian ini merumuskan bahawa Akta Warisan Kebangsaan, 2005 dapat memenuhi kehendak pembangunan warisan dan budaya negara. Ia menggariskan prinsip dan peraturan mengenai melindungi, memuliharaan dan lestari warisan dan budaya yang sesuai dengan situasi dunia semasa.

Kata kunci: Akta Warisan Kebangsaan, memelihara, memulihara, pembangunan, warisan budaya

ABSTRACT

This paper gives a little of information about the National Heritage Act, 2005. The discussion is in the form of descriptive so that the issues discussed can be communicated clearly. This study concluded that the National Heritage Act, 2005 to meet the needs of the country's culture and heritage development. It sets out the principles and regulations on protection, and preserving sustainable and cultural heritage in accordance with the current world situation.

Keywords: National Heritage Act, maintaining, preserving, development, cultural heritage

Pengenalan

Negara memerlukan satu akta yang lengkap bagi warisan dan budaya untuk mengatasikan masalah kehilangan atau membangunkan warisan dan budaya di masa hadapan (Norliza Rofli & Eddin Khoo, 2009). Walaupun sudah mempunyai dua akta yang berkaitan dengan warisan dan budaya, namun ia masih tidak dapat melindungi atau membangunkan warisan dan budaya sesuatu yang bernilai tinggi. Akta yang dimaksudkan iaitu Akta Harta Karun, 1957 (Akta 542) dan Harta Benda Purba, 1974 (Akta 168). Kedua-dua akta ini mempunyai kelemahan-kelemahan tersendiri kerana tidak merangkumi kesemua seksyen atau peraturan yang dapat melindungi, memulihara, memelihara dan mengekalkan warisan dan budaya itu.

Kelemahan-kelemahan seperti ini sedikit sebanyak akan memberikan kesan yang merugikan kepada negara (Mohd Khairuddin Mohd Yusof, 2006). Tindakan segera perlu di ambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan mengelakkan masalah seperti itu berlaku nanti. Kini, dunia tanpa sempadan yang boleh berlaku yang mana pelbagai pihak mengaku apa-apa sahaja mengenai warisan dan budaya adalah hak milik mereka. Pewartaan Akta Warisan Kebangsaan pada tahun 2005 telah memberikan satu nafas baru mengenai status dan kedudukan warisan dan budaya negara. Ini juga dapat membantu lestari warisan dan budaya negara kepada kedudukan yang sepatutnya.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan kerja lapangan¹. Kerja lapangan dilakukan untuk mengutip data daripada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian. Ini bersesuaian dengan teknik yang digunakan dalam kajian ini iaitu teknik analisis kandungan. Teknik ini digunakan untuk menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian supaya dapat memperolehi data diperlukan.

¹ Kerja lapangan dilakukan di Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Warisan Malaysia dari bulan Mei-Jun 2008.

Kajian ini memberi tumpuan terhadap pewartaan Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Pindaan Akta 645). Sebelum adanya akta ini, Malaysia mempunyai pelbagai akta yang berdasarkan perlembagaan persekutuan (Malaysia Kita, 2004). Akta-akta itu telah termaktub mengikut pembahagian yang telah ditetapkan dalam perlembangan iaitu senarai persekutuan, senarai negeri dan senarai bersama². Setiap pihak akan mewartakan akta atau enakmen yang tersendiri mengikut bidang kuasanya. Ini akan menyebabkan pewartaan sesuatu akta itu berlaku tindihan dan berkemungkinan tidak lengkap dan tidak komprehensif.

Ini sering menimbulkan masalah dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan sesuatu akta atau enakmen itu. Bagi masalah sedemikian, pihak kerajaan persekutuan telah mengambil beberapa langkah inisiatif untuk menyelesaikan masalah tersebut. Perkara-perkara yang berlaku itu akan merugikan negara dalam usaha untuk memelihara dan memuliharaan warisan budaya. Ini akan membantut dan menghalang pihak kerajaan persekutuan menjalankan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap hak milik warisan budaya.

Latar Belakang

Sebelum kemerdekaan Tanah Melayu telah terdapat akta dan enakmen berkaitan dengan warisan budaya. Pihak British pada masa itu telah melihat bahawa warisan budaya masyarakat di Tanah Melayu perlu dipertahankan dan dibangunkan untuk mengekalkan dan menjamin kedudukan warisan itu. Ini adalah perlu dikekalkan dan dipulihara daripada kemusnahan atau kehilangan mengikut arus zaman.

² Akta-akta berkait dengan warisan yang mengikut perlembangan Malaysia di antara seperti Akta Harta Karun, 1957 (Akta 542), Akta Perpustakaan Negara, 1972 (Akta 80), Akta Harta Benda Purba, 1976 (Akta 168), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Akta Perbandanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1979 (Akta 222), Akta Arkib Negara, 2003 (Akta 629) dan Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya Negeri Melaka, 1988.

Rang undang-undang yang diperkenalkan oleh British pada peringkat awal iaitu ordinan yang berkaitan dengan harta karun. Ordinan ini lebih memberi tumpuan terhadap harta yang tertanam di dalam perut bumi. Ini hanya yang membabitkan warisan budaya yang bersifat ketara kerana memberi keuntungan atau berkait rapat dengan pihak British. Ordinan ini dikenali sebagai Ordinan Harta Karun, 1951 sebelum merdeka dan selepas kemerdekaan Tanah Melayu dikenali sebagai Akta Harta Karun, 1957 (Akta 542) (Ahmad Atory Hussain, 2004 dan Malaysia Kita, 2004).

Namun akta tersebut tidak begitu berkesan dalam penguatkuasaannya di samping meliharaan dan muliharaan warisan budaya. Pihak kerajaan persekutuan Malaysia (Persekutuan Tanah Melayu) telah memikirkan mengenai kedudukan warisan budaya pada masa hadapan. Pihak kerajaan yang dibawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang diberi pertanggungjawab untuk mengatasi masalah tersebut. Pihak kerajaan telah menubuhkan Muzium Negara pada tahun 1963 untuk mengurus dan mengawal mengenai warisan budaya di Malaysia (Buletin JMA, 2000).

Penubuhan Muzium Negara ini telah memberi erti yang besar oleh pihak kerajaan dalam usaha meliharaan dan muliharaan warisan budaya. Ini membuktikan pihak kerajaan amat mengambil berat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Bagi menyatakan minat dan kesungguhannya, pihak kerajaan telah meletakkan institusi itu di bawah kementerian yang benar-benar menggambarkan usaha kerajaan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diberikan peranan untuk menjayakan usaha kerajaan itu. Muzium Negara telah berubah menjadi satu jabatan yang bertanggungjawab dalam usaha meliharaan dan muliharaan warisan budaya di Malaysia. Peranan dan usaha ini diteruskan sehingga kini di bawah tugas dan tanggungjawab yang jelas.

Perkembangan semasa dan globalisasi yang melanda

diseluruh dunia turut memberi tempas kepada negara (UNESCO, 1972). Ini banyak memberi impak yang ketara terhadap warisan budaya. Ini kerana setiap negara di dunia telah mula mengambil perhatian terhadap kepentingan warisan budaya terutamanya negara ASEAN. Ini memandangkan warisan budaya itu mempunyai nilai yang tinggi dan mampu menjana pendapatan bagi setiap negara melalui pelancongan.

Impak daripada itu, setiap negara ASEAN telah mula mengisytiharkan setiap warisan budaya mereka. Malah terdapat negara itu telah paten atau hak milik kepunyaan negara mereka. Ini akan menyebabkan negara kehilangan banyak warisan budaya kerana bertindan dengan warisan budaya lain terutamanya negara Indonesia. Pihak kerajaan telah melihat masalah itu akan memberi impak yang buruk dan teruk kepada warisan budaya negara.

Memandangkan keadaan sedemikian, pihak kerajaan telah menubuhkan satu kementerian yang khusus dengan warisan budaya. Kementerian itu dinamakan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (Norliza Rofli & Eddin Khoo, 2009). Penubuhan itu selari dengan pewujudan satu jabatan yang khusus dalam mengurus, menyelaraskan dan menyeliaikan warisan negara iaitu Jabatan Warisan Negara (JWN).

Jabatan Warisan Negara telah mengambil-alih sepenuhnya tanggungjawab terhadap warisan budaya. Sebelum ini, Jabatan Muzium dan Antikuiti yang mengurus dan menyeliaikan warisan budaya. Penubuhan jabatan ini tepat dan sesuai dengan objektif penubuhannya iaitu dapat mengawal dan menghalang warisan budaya dicuri, hilang, pupus dan musnah. Ini kerana akta-akta yang sedia ada tidak merangkumi dan kurang lengkap bagi melindungi warisan budaya itu.

Bagi masalah atau kehilangan warisan budaya, pihak kerajaan telah mengambil langkah yang prihatin dan berjaga-jaga dengan mewartakan satu akta warisan yang baru yang lebih komprehensif dan

lengkap. Ini adalah pindaan yang telah dilakukan ke atas akta harta benda purba yang hanya melindungi artifak warisan ketara sahaja dan bukan warisan tidak ketara. Pewartaan akta ini akan menyelamatkan warisan budaya sama ada ketara atau tidak ketara.

Oleh itu, kajian ini cuba menjelaskan bagaimana akta ini dapat melindungi warisan budaya. Pada masa yang sama meliharaan dan muliharaan warisan budaya daripada pupus dan musnah akibat peredaran masa, pembangunan, pemikiran dan corak kehidupan.

Warisan Budaya di Malaysia

Malaysia sebuah negara mempunyai pelbagai warisan budaya yang terhasil daripada pelbagai kaum dan etnik. Warisan budaya yang dimiliki perlu dipertahankan dan dijagai kerana ia menggambarkan jati diri dan lambang sesebuah negara. Bagi memahami warisan budaya yang dimaksudkan, perlu mengetahui takrif atau definisi warisan budaya itu. Ini bagi memudahkan untuk memahami warisan budaya yang telah dikategorikan yang berdasarkan kriteria International Council on Monument and Site (ICOMOS) di bawah United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Definisi warisan

Terdapat pelbagai definisi digunakan untuk menerangkan mengenai warisan. Kefahaman amat perlu dalam memahami istilah yang digunakan dalam menerangkan maksudnya. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) telah menerangkan definisi warisan sebagai sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ini bermaksud setiap perlaku atau kreativiti mereka perlu dimiliki dan diterima oleh setiap masyarakat tanpa mengenai generasi terdahulu.

Ini juga disokong definisi yang dikemukakan di dalam *Akta*

Harta Benda Purba, 1976 yang menyatakan apa jua tinggalan turun temurun sama ada ia buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Warisan ini dimaksud apa jua hasil yang perbuatan terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alat kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan.

Begitu juga dengan definisi yang dikemukakan yang selari dengan penambahan maksud definisi yang mengikut *Akta Harta Benda Purba, 1976* seperti yang dinyatakan di dalam *Akta Warisan Kebangsaan, 2005*. Akta ini menjelaskan warisan adalah seperti warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Maksud ini terkandung di dalam Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan.

Ketiga-tiga definisi itu menjelaskan bahawa warisan adalah satu peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil-hasil perbuatan tangan, pemikiran, falsafah, dan kreativiti mereka. Ini yang menggambarkan warisan itu adalah cara kehidupan masyarakat meneruskan kehidupan dan mengubah suai mengikut situasi dan cabaran hidup.

Kategori warisan budaya

Warisan budaya di Malaysia terdiri daripada pelbagai bentuk, falsafah, lambang budayanya. Ini mewujudkan keunikan yang dimiliki oleh negara Malaysia amnya. Keunikan ini perlu dipelihara dan dijagai oleh setiap bangsa atau etnik yang mendiami bumi Malaysia. Ini memerlukan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga dan memelihara budaya mereka. Ini kerana setiap budaya itu merupakan identiti sesuatu bangsa dan etnik.

Secara amnya, warisan budaya boleh ditakrifkan sebagai warisan ketara, tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan

boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzium warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi (Gerard Corsane, 2005 dan Yazid Saleh, 2010).

Oleh itu warisan budaya ketara boleh diterjemahkan sebagai benda yang boleh diturun-temurunkan kepada generasi akan datang dengan nilai tambah sendiri. Ia terdiri daripada gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan-karangan lama dan baru diberi nilai tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan pemuziuman yang tergolong dalam warisan tampak. Ini semua tergolong dalam kelompok kawasan, monumen dan bangunan.

Manakala warisan budaya tidak ketara boleh dijelaskan sebagai aspek bahasa dan perbendaharaan seperti peribahasa, gurindam, pantun, seloka, nyanyian, tarian, muzik, komposisi muzik, lirik lagu, ungkapan tradisi dan cerita lisan rakyat. Selain itu, seni mempertahankan diri yang telah wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian mana Malaysia atau berhubung bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia.

Penterjemaham istilah ini merujuk kepada peristilahan yang dikemukakan oleh UNESCO dalam menerangkan maksud warisan budaya ketara dan tidak ketara (UNESCO, 1972). Ini jelas menunjukkan warisan ketara dan tidak ketara mengikut rang undang-undang terdahulu tidak lengkap dan berlaku kelompongan ke atasnya. Ini menerangkan bahawa rang undang-undang Akta Harta Benda Purba, 1976 (Akta 168) hanya meliputi dan melindungi warisan budaya ketara sahaja berbanding dengan warisan budaya tidak ketara.

Ia banyak memberi kesan yang kurang baik dan merugikan pihak kerajaan terhadap warisan budaya tidak ketara. Ini akan

dimiliki oleh pihak tertentu dalam usaha memenangi persaingan untuk memiliki hak milik atau paten terhadap warisan budaya itu. Oleh itu, pihak kerajaan perlu berusaha dan memastikan warisan budaya dapat dilindungi dan dipelihara. Selain itu dapat mempatenkan hak milik negara.

Akta-akta perundangan mengenai warisan budaya

Sebelum *Akta Warisan Kebangsaan, 2005* diwartakan telah terdapat beberapa akta yang berhubung dengan warisan budaya. Ini kerana setiap akta yang ada itu berdasarkan kepada kepentingan organisasi atau tanggungjawabnya yang menyelia dan mengawal warisan budaya. Ini menyebabkan setiap akta tersebut hanya dikuatkuasakan dan dilaksanakan secara berasingan.

Akta-akta itu merujuk kepada bidang kuasa Pihak Bandaran dan Tempatan (PBT) atau kerajaan³. Ini hanya berpandukan terhadap hak penyelia dan kawalan ke atas warisan budaya itu. Namun, apabila akta yang sedia ada dipakai maka akta yang diwartakan oleh PBT dan kerajaan ini dimansuhkan dan tidak boleh diterimapakai. Ia masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam melindungi dan mengekalkan warisan budaya itu.

Akta yang sedia ada itu masih dalam bentuk yang kurang jelas mengenai warisan budaya tidak ketara. Warisan budaya itu tidak dinyatakan secara jelas dan tidak dirangkumkan di dalam akta tersebut. Malah ia juga bertindanan dan berlakunya pertindihan dalam bidang kuasa dan perlaksanaanya.

Bagi menjelaskan kemelut dan pertindihan bidang kuasa dan pelaksanaan diterangkan mengenai setiap fungsi akta yang berkait dengan warisan budaya. Akta-akta sebelum ada akta warisan hanya terhad kepada bidang kuasa dan hak dalam menjalankan

³ Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta Bangunan, Jalan raya dan Saliran, 1974 (Akta 133).

tanggungjawab tertentu mengikut keperluan dan garis panduan. Akta-akta itu bergantung kepada tindakan yang diambil bagi mengawal dan memelihara warisan budaya itu.

Secara umumnya terdapat dua peringkat atau bahagian dalamewartakan rang undang-undang di Malaysia. Peringkat ini terbahagi kepada dua yang berdasarkan bidang kuasa yang telah diperuntukkan di dalam perlembangan Malaysia (Ahmad Atory Hussain, 2004). Ini menyebabkan berlakunya dua bahagian mempunyai bidang kuasa yang tersendiri dan kemungkinan undang-undang yang lebih luas terpakai banding dengan di peringkat yang satu lagi.

Parlimen merupakan tempat menggubal rang undang-undang yang utama dan berada pada kedudukan yang tinggi. Ini menjadikan tempat ini perbahasan dan berbincang sebelum diwartakan sebagai undang-undang. Berbagai peringkat yang perlu dilalui dan dirangka bagi mencapai kehendak undang-undang dilaksanakan. Ini kerana parlimen itu sendiri terbahagi kepada dua iaitu Dewan Rakyat (DR) dan Dewan Negara (DN). Ini bergantung kepada tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan di dalam perlembangan Malaysia.

Ini berbeza diperingkat Dewan Undangan Negeri (DUN) yang hanya tertakluk terhadap undang-undang di dalam negeri itu sahaja. Namun bila berlaku pertindihan bidang kuasa, undang-undang yang diwartakan di parlimen diterimapakai dan diambil perkiraan dalam menafsirkan sesuatu tindakan itu.

Bagi mengelakkan berlaku pertindihan bidang kuasa dan pelaksanaan akta itu perlu ada satu akta yang lebih komprehensif dan lengkap. Ini kerana setiap akta dan enakmen yang sedia ada hanya menumpu pada ruang lingkup dan terlibat perkara-perkara yang berkaitan dengannya sahaja. Ini menyebabkan berlaku kelompongan atau tidak lengkap pada akta dan enakmen tersebut.

Ini adalah di antara akta dan enakmen yang digunapakai dalam melindungi dan memelihara warisan budaya di Malaysia iaitu

Akta Harta Benda Purba, 1976 (Akta 168), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), Akta Bangunan, Jalan raya dan saliran, 1974 (Akta 133), dan Enakmen No.6, 1988, Pemuliharaan dan pemugaraan warisan budaya.

Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645)

Sebelum adanya akta warisan (Akta 645) didapati tidak ada satu pun akta dan enakmen yang sedia ada dapat melindungi dan memelihara warisan budaya. Ini kerana ia tidak begitu jelas dalam menafsirkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan warisan budaya terutamanya warisan budaya tidak ketara.

Oleh itu, akta dan enakmen itu boleh dipertikaikan dan dinafikan dan merugikan kepada negara. Ini kerana warisan budaya yang dimiliki adalah suatu yang bernilai tambah dan besar. Warisan budaya itu boleh diangkat dan dijadikan satu produk pelancongan yang boleh menjana pendapatan negara.

Sebelum itu undang-undang sedia ada, iaitu Akta Harta Benda Purba, 1976 (Akta 168), yang menjadi panduan kerajaan persekutuan hanya tertakluk terhadap warisan ketara tanpa melibat warisan budaya tidak ketara. Ini amat merugikan kepada kerajaan Persekutuan dalam memiliki supaya menjadi hak milik negara.

Oleh itu, penggubalan akta yang baru adalah amat penting memandangkan dunia yang dalam era pembangunan fizikal dan pembangunan insan di samping globalisasi tanpa sempadan banyak memberi kesan atau impak yang ketara terhadap negara. Pihak kerajaan seharusnya melihat warisan budaya secara menyeluruh dan komprehensif.

Selain itu, memandangkan kedudukan geografi negara Malaysia berada pada kedudukan di tengah alam Melayu dan ASEAN. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap warisan budaya itu kerana setiap warisan budaya adalah sama dan hampir

sama. Setiap negara ASEAN telah mula menyistiharkan warisan budaya itu adalah hak milik mereka.

Situasi sebegini menyebabkan beberapa warisan budaya akan bertindih dan akan menjadi hak milik negara tersebut. Oleh itu, akan memberi kesan yang buruk kepada negara pada masa depan bila tidak mengambil tindakan yang segera. Warisan budaya adalah merupakan lambang jati diri masyarakat kerana ia adalah hanya dari pemikiran kreatif dan kreativiti mereka.

Akta warisan ini telah dibentang di Parlimen (Dewan Rakyat) oleh Menteri⁴ yang bertanggungjawab mengenai warisan. Mengikut perlembangan persekutuan, akta ini terkandung kepada urusan perkara bersama antara Persekutuan dan Negeri-negeri. Mengikut perlembagaan Malaysia di bawah sekyen 3 cerai 2 menyatakan apa-apa atau perkara yang menyentuh kepentingan kerajaan negeri perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu. Jelasnya, kerajaan persekutuan perlu meminta kebenaran dan persetujuan daripada kerajaan negeri terlebih dahulu.

Untuk memudahkan penggubalan akta warisan yang baru, Kerajaan Persekutuan telah memindahkan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan pemeliharaan warisan di dalam Senarai Bersama. Oleh itu warisan telah berada di bawah bidang kuasa perundangan bersama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Akta warisan itu dapat melindungi dan memelihara warisan budaya daripada dimiliki oleh negara lain atau musnah atau dicuri oleh pihak tidak berkenaan.

Secara umumnya Akta Warisan Kebangsaan, 2005 ini adalah merupakan satu skop perundangan yang besar dan komprehensif. Akta ini merangkumi dua aspek yang luas iaitu warisan budaya dan warisan semula jadi. Warisan budaya pula terbahagi kepada dua iaitu

⁴ Menteri yang diberikan tanggungjawab untuk mentadbir Kementerian yang berkaitan dengan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kini iaitu Yang Berhormat Dato³ Sri Utama Dr. Rais Yatim, Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi (KPKK).

warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara.

Tambahan akta ini juga dengan memasukkan warisan budaya bawah air iaitu artifak warisan bawah air dapat dilindungi dan supaya tidak hilang atau musnah. Ini bermaksud setiap benda yang berada di dalam pantai dan persisiranya berada dalam keadaan lindungan dan terpelihara secara bersama di samping dapat dikaji.

Akta ini akan memperkukuhkan dan membantu dalam penyelesaian mengenai warisan budaya. Ini kerana warisan budaya tidak ketara telah dilindungi dan dipelihara daripada di curi dan terbiar begitu sahaja. Ini adalah penting dalam memelihara dan melindungi warisan budaya ketara dan tidak ketara dieksport dan diimport oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan hanya mengambil keuntungan sahaja.

Secara umumnya Akta Warisan Kebangsaan mengandungi 17 bahagian dengan 125 seksyen di mana bahagian-bahagian tersebut. Ini bermakna akta sebelum itu seperti Akta Harta karun, 1957 dan Akta Benda purba, 1976 dimansuhkan dan dimasukkan ke dalam Akta baru ini. Begitu juga Akta Benda purba, 1976, apa-apa yang bertindih dan hanya boleh dipakai Akta Warisan Kebangsaan ini.

Kesimpulan

Negara memerlukan satu akta yang lebih komprehensif dan menyeluruh dalam mengatasi hak milik warisan budaya. Setiap negara ASEAN telah melihat mengenai kepentingan dan kelebihan warisan budaya yang diwarisi dan dimilikinya. Warisan budaya telah menjadi input atau produk yang boleh menjana pendapatan negara dan malah boleh menyumbang kepada peluang pekerjaan.

Warisan budaya itu sendiri mempunyai nilai tambah yang tinggi. Ini kerana warisan budaya itu adalah cerminan jati diri dan lambang kepada masyarakat pengamalinya dan juga kepada negara. Namum memandang keadaan geografi yang berkedudukan

berhampiran, pemikiran yang hampir sama dan falsafah kehidupan yang berkait rapat memberi kesan yang kurang baik terhadap warisan budaya.

Setiap negara ASEAN telah mulai menyedari mengenai warisa budaya dan mulai mempaten dan menjadi hak milik mereka. Ini telah menjadi kesukaran kepada negara Malaysia sekiranya masih menggunakan Akta Harta Benda Purba, 1976 yang tidak lengkap. Akta itu hanya melindungi warisan budaya ketara berbanding dengan warisan budaya tidak ketara.

Memandangkan keadaan sedemikian negara memerlukan suatu akta yang lebih lengkap komprehensif dan menyeluruh dalam semua aspek. Ini adalah penting dalam melindungi, memelihara dan memulihara warisan budaya itu daripada dicuri melalui hak milik atau perdagangan (import dan eksport). Ini kerana akta dan enakmen yang sedia ada tidak mencukupi untuk mempertikai dengan akta negara luar.

Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan yang baik dan jelas dengan mewartakan Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Akta ini telah menjadi garis panduan dalam semua aspek perundangan sehingga kepada aspek pentadbiran dan pengurusan warisan budaya itu. Akta ini lebih menyeluruh dalam semua aspek dan komprehensif.

Akta ini telah menyelamatkan dan melindungi pelbagai jenis warisan budaya tanpa mengira bangsa dan etnik. Dengan adanya akta ini, merupakan satu perundangan yang dapat memberi kelegaan dan menyelesaikan masalah yang bertindih dengan tuntutan negara luar. Ini juga telah melahirkan satu daftar warisan kebangsaan yang meliputi semua warisan budaya, warisan semula jadi dan warisan budaya di bawah air.

Rujukan

- Ahmad Atory Hussain. 2004. Pengantar pentadbiran awam: paradigma baru. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Barbara, T. Hoffman. ed. 2006. *Art and cultural heritage: law, policy and practice*. Cambridge: Cambridge University Press
- Corsane, Gerard. ed. 2005. *Heritage, museums and galleries: an intruductory reader*. London: Routledge.
- Howard, Peter. 2003. *Heritage: management, interpretation and identity*. London: Continuum.
- Jabatan Muzium dan Antikuiti. Buletin JMA. 2000. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Khairuddin Mohd Yusoff. 2006. “Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645): perundangan dan peraturan mengeskport dan mengimpor butiran warisan kebangsaan”. Forum Kurator. Auditorium: Jabatan Muzium Malaysia.
- Norliza Roffi & Eddin Khoo. 2009. *Kebudayaan Malaysia: satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Unesco. 2003. *The safeguarding of the intangible cultural heritage*. Paris: Unesco.
- _____.1981. *Protection of the underwater heritage*. Paris: Unesco
- _____.1972. *Protection of the world cultural and natural heritage*. Paris: Unesco.
- Yazid Saleh. 2010. *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akta Undang-undang

- Akta Harta Karun, 1957 (Akta 542)
- Akta Perpustakaan Negara, 1972 (Akta 80)
- Akta Harta Benda Purba, 1976 (Akta 168)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)
- Akta Perbandanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1979 (Akta 222)
- Akta Arkib Negara, 2003 (Akta 629)
- Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645)
- Enakmen No 6 tahun 1988- Enakmen pemuliharaan dan pemugaran warisan budaya negeri Melaka, 1988